

Headline	FRIM temui herba bantu rawatan kanser		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	13 Oct 2016	Color	Black/white
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A11	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	69 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 224
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 672



FRIM temui herba bantu rawatan kanser

KUALALUMPUR: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menemui herba-herba yang mampu merawat penyakit kanser dalam kajian yang dilakukannya sejak dua tahun lepas.

Ketua Pengarahnya Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata walaupun kajian itu belum dimuktamadkan, dapatan awal mendapati sel-sel kanser mampu diubati dengan penggunaan gabungan herba tertentu.

“Jika tiada kekangan, hasil kajian ini akan dibentangkan pada Jun tahun depan,” katanya kepada pemberita selepas perasmian Seminar Tumbuhan Ubatan dan

Beraroma ke-14 (MAPS14) di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini, kelmarin.

Seminar itu dirasmikan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Hamim Samuri.

Tanpa mengulas lanjut mengenai herba berkenaan, Abd Latif berkata gabungan herba itu mampu merangsang sistem aliran darah dan mengurangkan kadar kolesterol.

“Ia juga menurunkan tekanan gula dalam darah selain merencatkan sel-sel kanser di bahagian organ-organ dalam badan,” katanya.

— Bernama